



# risalah USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no.26, (Julai-September 2015) :: ISSN : 1511-9319

## WICULS 2015 Himpun Pemimpin Islam Dunia



Dua Penuntut USIM Sertai

Students Parliament : Oxford Leadership  
Programme 2015

Hari Terbuka Usim  
Disambut Meriah



# integrasi ilmu NAQLI & AQLI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah sebuah Institusi Pengajian tinggi awam ke-12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi universiti. Penawaran model pendidikan yang unik ini membezakan USIM daripada universiti lain di seluruh dunia.

Graduan USIM yang dibentuk berdasarkan paduan ilmu wahyu dan rasional ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai tenaga profesional yang efektif, tetapi pada masa yang sama bersedia untuk menyumbang dan membuat perubahan kepada masyarakat. Selain USIM yang dilengkapi dengan kesepaduan antara teori dan amali juga mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah dan manusia sejagat.

## SIDANG EDITORIAL

### Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad  
Naib Canselor

### Ketua Editor

Dr. Mohd Faizal Kasmani  
Pengarah  
Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)

### Sidang Editor

En. Mohd Asri Husain  
Prof. Madya Dr. Rosni Samah  
Pn. Norhana Abdullah  
En. Mohd Zaini Othman  
Pn. Syazlyna Jamil  
Pn. Noorumaina bt Mohamed Yunus  
Pn. Suriati Alias

### Konsep & Rekabentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad  
Cik Wahida Hj Abas  
En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil

### Fotografi

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin  
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus  
En. Ahmad Adib Jumhuri



## ISI KANDUNGAN

Ruangan ketua editor -  
Merencana Pendidikan Global

WICULS 2015 HIMPUN PEMIMPIN ISLAM  
DUNIA, ms-4

Putri Nur Nadia Bakri Johan Hafazan Al-Quran  
Negara Mabims Di Brunei, ms-5

Usim Sambut 1200 Penuntut Universiti  
Serantau Sempena Ihtifal Asean 2015, ms-6

Saudari Riza Asma'a Saari, Berani Dikritik  
Untuk Maju Dalam Bidang Penyelidikan, ms-7

Usim Hasrat Bangunkan Modul Ujian Bahasa  
Arab Antarabangsa, ms-8

Dua Penuntut Usim Sertai Students Parliament :  
Oxford Leadership Programme 2015, ms-9

Usim Meterai Moa Dalam Aspek Halal Bersama  
Hani D Unggul Sdn Bhd, ms-10

Usim, UIJ Jalin Kerjasama Moa Dalam Bidang  
Kewangan Islam, ms-10

Produk 'Hurma' Raih Anugerah 'Nric 2015 Best  
Award', ms-11

Majlis Lafaz Ikran Pelajar Sesi Akademik  
2015/2016 Bersama Mb Negeri Sembilan,  
ms-13

Hari Terbuka Usim Disambut Meriah, ms-14

Datin Seri Paduka Rosmah Mansor  
Lawat Kolej Permata Insan Usim, ms-16

Duta Jauhar Usim Tabur Bakti Tingkat Tahap  
Pendidikan Anak Orang Asli, ms-17

13 Acara Utama Diatur Usim Sempena Bulan  
Kebangsaan 2015, ms-18

Fit Malaysia Uni@Usim Bersama  
Yb Khairy Jamaluddin, ms 19

Kadet Palapes Usim Ditauliah Sebagai  
Lettenan Muda, ms-20

Hawa Convention : Ideal Woman For A Better  
Nation, ms-21

Usim Menjadi Universiti Awam Pertama  
Tersenarai Di Apple Itunes U, ms-22

Usim Sambut Minggu Kualiti & Inovasi, ms-23

Lancar lecons 2015 Bersama Masyarakat Islam  
Di Krabi, ms-24, ms-25

Latihan Audit Syariah Penuhi Aspek Penting  
Kendali Perbankan Islam

Pragmatis Usim Sertai Seminar Pembentangan  
Projek CSR, ms-25

Usim Komited Banteras Najis Dadah  
Melalui Program Eydfc 2015, ms-28

# Merencana Pendidikan Global

Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) merupakan salah satu usaha Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk lebih menonjol di arena antarabangsa. WICULS menyaksikan USIM sebagai peneraju dalam membincangkan isu-isu berkaitan pengajian tinggi pada masa yang sama memastikan pengajian Islam hari ini lebih relevan dan terkehadapan.

Hasrat ini juga merupakan sebahagian daripada agenda untuk memastikan USIM terus dikenali sebagai universiti berteraskan Islam yang menjadi pakar rujuk (Referred), dihormati (Respected) dan relevan (Relevant).

Paling utama, USIM perlu memastikan satu blue print yang lestari dapat dihasilkan untuk pendidikan global pada hari ini. Ia termasuk bagi memastikan pendidikan USIM bersifat holistic iaitu secara menyeluruh bagi membantu masyarakat Islam menyelesaikan masalah hari ini. Mesej itulah yang mahu disampaikan kepada masyarakat kerana USIM bukan sahaja relevan dari segi akademik malah berupaya menempa tempat istimewa di hati dan jiwa masyarakat.

Hari terbuka USIM yang diadakan pada 12 September lepas sempena Sambutan 15 tahun USIM adalah salah satu contoh usaha universiti untuk mendekati masyarakat. Selama 15 tahun universiti merencanakan wawasan integrasi Naqli dan Aqli, inilah masanya masyarakat perlu didekah dengan agenda USIM. Harapannya agar mereka dapat bersama-sama merealisasikan pendidikan Islam gabungan ilmu ukhrawi dan duniaawi selari dengan misi universiti sebagai peneraju integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Pihak USIM amat berterima kasih pada mereka yang sudi berkunjung ke USIM pada Hari Terbuka yang lalu. Lebih daripada 50 Pusat Tanggungjawab (PTJ) turun mempamerkan showcase masing-masing untuk dipersembahkan kepada komuniti dan juga kepada bakal pelajar USIM. Malah, lebih daripada 5,000 pengunjung dari komuniti dan sekolah-sekolah sekitar Negeri Sembilan yang turut hadir pada Hari Terbuka tersebut.

Insya Allah USIM akan terus bersama-sama masyarakat dalam melaksanakan aktiviti dan berharap hubungan antara USIM dengan komuniti akan tetap kukuh dan teguh.




Dr. Faizal Kasmani  
Ketua Editor

# WICULS 2015

## HIMPUN PEMIMPIN ISLAM DUNIA

Oleh: Mohd Zaini Othman



Bertemakan “Re-writing the narrative: Higher education for the 21st century”, Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) menjadi platform menghimpunkan lebih dua ratus pemimpin tertinggi dari Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria, dan Jordan membincangkan isu-isu utama berkaitan sistem pendidikan tinggi dalam usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global.

WICULS 2015 yang dianjurkan bersama oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Akademi Kepimpinan Pengajaran Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Malaysia diadakan pada 29 dan 30 September 2015 di Putrajaya Marriott Hotel.

Menariknya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah turut sudi mencemar duli bagi menyampaikan ucaptama bertajuk “Reclaiming Education in Muslim Universities for the 21th Century”.



Selain itu, WICULS 2015 menyaksikan dua belas ikon kepemimpinan terkemuka negara dan dunia berkongsi idea antaranya adalah Prof. Tan Sri Dato Dzulkifli Abdul Razak, Felo Utama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), merangkap Presiden *International Association of Universities* (IAU), Ahmed Keeler, Felo Akademik di University of Cambridge, dan Prof. Ishaq Oledeye, Setiausaha Agung, Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Nigeria.

Menurut Prof. Dr Roshada Hashim, Pengarah Pusat Antarabangsa, USIM ‘Alamiyyah selaku pengurus bersama WICULS, ini merupakan masa terbaik bagi para pemimpin universiti di negara-negara Islam seluruh dunia untuk berbincang mengenai landskap pendidikan tinggi dunia yang berkembang dengan cukup pesat serta memerlukan mereka untuk bertindak balas secara proaktif terhadap perubahan ini.

“Pemimpin universiti Islam pada hari ini perlu mengkaji semula halatuju dan fungsi universiti masing-masing dengan mengambil konteks keperluan pendidikan bagi umat Islam hari ini sejajar dengan pemahaman falsafah pendidikan Islam dan moden”.

“WICULS 2015 memberi penekanan kepada 3 tunggak utama iaitu kepentingan akses dan ekuiti dalam pendidikan, perkaitan budaya dan etika, dan kelestarian pendidikan bagi universiti Islam dan Ummah di seluruh dunia.

“Universiti-universiti di negara-negara Islam perlu memainkan peranan lebih dinamik dan proaktif bukan sahaja dalam penawaran pendidikan tetapi juga dalam membawa keamanan bagi masyarakat Islam dunia melalui perjanjian dan persefahaman di peringkat antarabangsa dalam usaha memberi penyelesaian yang mampan bagi menjamin kemashlahatan masyarakat Islam serantau,” ujarnya.

Di akhir majlis Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah turut melancarkan buku-buku terbitan USIM.



# PUTRI NUR NADIA BAKRI JOHAN HAFAZAN AL-QURAN NEGARA MABIMS DI BRUNEI

Oleh: Mohd Zaini Othman

Putri Nur Nadia binti Bakri, 18, pelajar Tamhidi Sains dan Teknologi (Pra-Universiti/Matrikulasi) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), mengharumkan nama Malaysia dan Universiti apabila muncul johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS 1436H berlangsung di Dewan Musyawwarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei Darussalam.

Pertandingan yang bermula 30 Jun hingga 3 Julai 2015 ini menawarkan hadiah berupa wang tunai BND4000, piala dan sijil penghargaan bagi kategori Menghafaz Juz 10 Al-Quran serta Pemahaman Juz 7.

Seramai lapan peserta terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan daripada negara-negara MABIMS iaitu Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura mempertandingkan dua kategori iaitu Menghafaz Juz 10 Al-Quran serta Pemahaman Juz 7, dan Menghafaz Juz 30 serta Pemahaman Juz 20 yang turut diungguli wakil Malaysia, Fariyah Zulkifli, 20 pelajar Darul Quran JAKIM.



Putri Nur Nadia mengucapkan rasa syukur atas kemenangan ini kerana mendapat saingen hebat daripada para peserta MABIMS lain.

“Ini merupakan kali pertama saya mewakili Malaysia untuk pertandingan hafazan antarabangsa dan berasa amat gembira dapat mengharumkan nama negara. Terima kasih kepada kedua ibu-bapa banyak membantu semasa latihan hafazan sebelum ke pertandingan ini”.

“Saya mula menghafaz 30 juz Al-Quran semasa berada di Tingkatan Satu Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITIB), Jugra Selangor. Petua yang saya amalkan supaya mudah dan menjaga hafazan adalah sentiasa konsisten mengulang hafalan dan ikhlaskan hati membaca Al-Quran. Ibu juga amat menjaga pemakanan saya antaranya mengelakkan makanan berunsur syubhab,” ujarnya.

Musabaqah ini dianjurkan untuk membantu visi dan misi MABIMS di samping mewujudkan kerjasama di kalangan negara anggota MABIMS dalam bidang pengajian dan penyebaran Al-Quran. Melaluiinya juga, ia dapat mengeratkan jalinan hubungan integrasi terutama dalam bidang Al-Quran dalam menyatukan perpaduan ummah melalui Al-Quran.

Majlis penyampaian hadiah dan penutup Musabaqah ini telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Brunei Darussalam.

Putri Nur Nadia sebelum ini turut menjuarai pertandingan hafazan di Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36 dalam kategori 1-20 juzuk pada Mac lalu.

# USIM SAMBUT 1200 PENUNTUT UNIVERSITI SERANTAU SEMPENA IHITIFAL ASEAN 2015



Oleh: Mohd Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyambut dan meraikan 1200 penuntut Universiti Asean sempena penganjuran Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Asean dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015. Penganjuran Ihtifal IPT Asean ini berlangsung bermula 20 hingga 24 Ogos 2015 dengan penglibatan negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia.

Penganjurannya secara dwi-tahunan ini memasuki edisi keempat sejak mula dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sebanyak tiga pertandingan utama dilangsungkan iaitu Tilawah Al-Quran, Debat Bahasa Arab dan Nasyid.



Selain itu, turut dianjurkan serentak bersama Ihtifal ini adalah Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa yang diurussetiakan oleh Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM) USIM dan Majlis Perwakilan Pelajar USIM. Bertemakan “Integrasi Ilmu Naqli dan Aql” ia memfokuskan isu, cabaran dan realiti semasa umat Islam pada hari ini seperti di Syria, Palestin dan Rohingya agar selari dengan agama Islam sebagai Rahmatan Lilalamin.

Beberapa tokoh ilmuwan dan intelektual Islam yang terlibat antaranya Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan; Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, mantan penyandang Kursi Kepimpinan Islam USIM; Dr Hamid Fahmy Zarkasyi, Pengasas Pesantren Moden Gontor Ponorogo dan Tuan Muhammad Nadir Al Nuri Kamaruzzaman, satu-satunya pelajar Malaysia di Universiti Gaza.

Lebih 23 buah universiti serantau menghantar penyertaan antaranya dari Malaysia adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin. Dari Indonesia pula adalah Universiti Islam Negeri (UIN) Walisongo, UIN Syarif Hidayatullah, UIN Sultan Syarif Kasim Riau, Universitas Muhammadiyah, Universitas Islam Nusantara manakala dari Brunei adalah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Menariknya, penganjurannya pada kali ini berlangsung sempena Sambutan 15 Tahun USIM. Objektif utamanya adalah menonjolkan bakat mahasiswa Islam serantau dalam kesenian Islam, pengucapan awam dan kepimpinan. Ia diharapkan dapat melahirkan generasi belia Islam yang berperanan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Ihtifal IPT Asean dihadiri oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang menerima satu memorandum khas hasil Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa.



### Kejayaan Sepanjang Penglibatan Dalam Bidang Inovasi Dan Penyelidikan

- Juara Pertandingan Inovasi dan Rekacipta Islam (i-REKA'2014) kategori Fundamental Science;
- pingat emas Pertandingan Inovasi dan Penyelidikan Kebangsaan (NRIC) 2014, kategori Fundamental Science
- Best Presenter Award 2013 yang pertama kali diwujudkan, bagi pertandingan Community and Research Innovation (CoRIC), USM
- Double Gold Special Award, Medal Gold, Excellency Award of Romanian 2014 British Invention Show 2014, London, United Kingdom;
- Tempat Ketiga Pertandingan Keusahawanan Inovasi Menteri Pendidikan, di Universiti Malaya (UM) 2014;
- Pingat Perak, Pertandingan Inovasi dan Penyelidikan (i-INOVA' 2014)

Oleh: Mohd Asri Husain

**Boleh saudari ceritakan penglibatan saudari dalam bidang inovasi dan penyelidikan di Universiti sepanjang tempoh pengajian di USIM selama ini?**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) khususnya Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang memperkenalkan saya kepada bidang inovasi dan penyelidikan ini. Penglibatan awal saya dalam bidang inovasi dan penyelidikan sepanjang tempoh pengajian di USIM bermula dengan saya sebagai Ahli Jawatankuasa Pertandingan Inovasi di USIM dan kejayaan beberapa orang senior di FST memberi inspirasi untuk

## SAUDARI RIZA ASMA'A SAARI

# BERANI DIKRITIK UNTUK MAJU DALAM BIDANG PENYELIDIKAN

saya juga mencuba bagi menghasilkan produk sendiri. Usaha pihak FST yang menggalakkan aktiviti inovasi dan penyelidikan banyak membantu mewujudkan suasana kondusif untuk mahasiswa di FST bergiat aktif dalam bidang ini. Saya juga bertuah kerana mempunyai Mentor iaitu Prof Dr Norita Md Norwawi yang kini Dekan FST yang banyak memberikan sokongan dan khidmat nasihat untuk membolehkan saya lebih serius dalam bidang ini. Penglibatan aktif saya dalam bidang inovasi dan penyelidikan ini membolehkan saya menyertai pelbagai pertandingan dalam dan luar negara. Saya merasakan tempoh pengajian selama empat tahun di USIM amat bermakna kerana dalam jangkamasa tersebut, saya dapat membantu untuk menaikkan nama Universiti dan juga Fakulti.

**Bagaimana saudari melihat sumbangan mahasiswa dalam aspek kreativiti dan inovasi di Universiti pada hari ini?**

Sebagai Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), USIM bagi sesi 2013/2014 ini memberi peluang kepada saya untuk membantu rakan-rakan yang lain juga terlibat sama dalam bidang inovasi dan penyelidikan ini. Saya tidak melihat faktor jantina menghalang mahasiswa untuk berjaya dalam bidang ini kerana potensi individu boleh digilap sekiranya kita berusaha. Maka dengan sebab itulah, saya menyeru kepada mahasiswa di USIM agar merebut peluang yang diberikan oleh pihak universiti untuk menaikkan nama USIM. Diharap pada masa hadapan lebih ramai penyertaan mahasiswa dari fakulti lain, bukan pelajar aliran sains dan teknologi semata-mata.

**Apakah cabaran yang saudari hadapi sepanjang penglibatan dalam bidang inovasi dan penyelidikan ini?**

Cabarannya utama saya adalah dalam membahagikan masa antara pelajaran, penyelidikan, kepimpinan dan aktiviti kurikulum saya. Namun, semua ini tidak menjadi halangan seandainya kita betul-betul bertekad dan jelas dengan matlamat sebenar kita. Saya

melihat aktiviti ko-kurikulum ini tidak menghalang saya bagi mencapai kejayaan yang seimbang dalam akademik. Sepanjang pengajian di USIM, saya pernah menerima Anugerah Dekan sebanyak tiga kali. Saya percaya, sekiranya kita mempunyai keyakinan dan matlamat yang jelas, maka kita akan dapat berusaha untuk mencapai apa yang dihajatkan. Impian tidak akan menjadi kenyataan sekiranya kita tidak berusaha bersungguh-sungguh dan saya amat bersyukur kerana pengorbanan saya selama ini berbaloi dengan pelbagai kejayaan yang saya terima.


**Bolehkah saudari berkongsi tips kejayaan untuk berjaya dalam akademik dan juga bidang inovasi ini?**

Kunfayakun, itu janjiNYA. Bagi saya, kita hanya mampu merancang, berusaha dan bertawakal namun semua qada dan qadar ditentukan oleh Allah Taala. Saya sentiasa bersifat positif dalam semua perkara, berani mengambil risiko, bersedia menerima kritikan dan penglibatan dalam pelbagai program ko-kurikulum dan komuniti untuk memberi manfaat kepada banyak pihak. Mencintai bidang Inovasi ini membolehkan kita meneroka kejayaan-kejayaan orang lain untuk dijadikan pendorong buat kita. Akhir sekali, dalam apa jua kesibukan, doa serta restu ibubapa sangatlah penting, maka dahlulukan mereka dalam segala aspek.

**Impian kerjaya dan harapan masa depan saudari?**

Saya bercita-cita untuk menjadi salah seorang Saintis Wanita Muslim yang dapat membantu bangsa, agama dan negara. Sejak awal lagi saya aktif dalam bidang kesukarelawan, maka saya juga menyimpan impian untuk mewujudkan sebuah rumah kebajikan dalam membantu golongan serta mereka yang memerlukan. Bagi saya, nikmat daripada Allah perlu kita kongsi bersama agar dunia menjadi lebih indah dan semua mendapat keberkatan daripada semua usaha yang dilaksanakan.

# USIM HASRAT BANGUNKAN MODUL UJIAN BAHASA ARAB ANTARABANGSA



Oleh: Mohd Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ingin mempelopori pembinaan satu modul ujian penguasaan Bahasa Arab bagi bukan penutur jati yang diiktiraf diperingkat antarabangsa seperti Test of English as a Foreign Language (TOEFL) dan International English Languange Testing System (IELTS) untuk Bahasa Inggeris.

Melalui modul ujian Bahasa Arab yang seragam, komprehensif dan berkesan, pencapaian sebenar para pelajar dalam menguasai Bahasa Arab dapat dikenalpasti dengan lebih jelas. Ia secara tidak langsung dapat mengukur keberkesanannya pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab yang dipelajari di peringkat menengah.

"Pada masa kini, bagi penilaian kompetensi Bahasa Inggeris di peringkat nasional, kerajaan telah memperkenalkan Malaysian University English Test (MUET) manakala bagi pelajar sekolah Aliran Agama, kompetensi penguasaan Bahasa Arab belum dapat disetarakan dengan sebarang ujian khas seperti MUET, TOEFL dan IELTS," ujar Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Dr. Zulkiple Abd Ghani.


"Sebagai universiti yang menetapkan syarat mengambil Bahasa Arab diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai salah-satu syarat wajib bagi permohonan melanjutkan pengajian Sarjana Muda, saringan awal yang inklusif seperti ini terhadap penguasaan Bahasa Arab amat penting. Ia bertujuan mengukur tahap

kompetensi sebenar pelajar dalam penguasaan Bahasa Arab dengan penilaian yang diberikan ialah biasa, sederhana dan cemerlang."

"Justeru, seramai 1915 orang pelajar baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2015/2016 menjadi kumpulan sulung menduduki IKLA. Modul ujian yang dihasilkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama mencakupi aspek Pemahaman, Nahu (syntax), Sarf (morphology), Mufradat (kosa kata) dan Uslub (gaya bahasa)".

Rangka tindakan ke arah penghasilan MUAT ini memerlukan masa yang panjang kerana ia sesuai yang baru dalam penilaian Bahasa Arab diperingkat antarabangsa. IKLA adalah langkah pertama USIM dan seterusnya ia memerlukan kepada kajian dan kerjasama di pelbagai peringkat termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi.

Melalui MUAT ini kelak, ia secara tidak langsung memberi kemudahan kepada para pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian ke universiti di Timur Tengah. Misalnya kini, bagi pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia yang ingin ke Universiti Al-Azhar mereka perlu mengambil satu ujian khas Bahasa Arab (Imtihan Qabul) di Malaysia dan perlu melepassi tahap ditetapkan untuk diterima masuk ke Al-Azhar.



# DUA PENUNTUT USIM SERTAI STUDENTS PARLIAMENT : OXFORD LEADERSHIP PROGRAMME 2015

Oleh: Mohd Zaini Othman

Dua penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dipilih menyertai Program Student Parliament : Oxford Leadership Programme 2015 di United Kingdom (UK). Ia julung kali diadakan dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Oxford Academy for Education and Developement (OAED).

USIM diwakili oleh Abdul Muiz Abdul Hakim, 22, pelajar jurusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang dan Muhammad Miqdam Rashid, 22, pelajar Sarjana Muda Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi.

Seramai 18 orang terpilih dikalangan pemimpin Parlimen Mahasiswa di universiti masing-masing untuk berada di Oxford University selama seminggu iaitu bermula 23 hingga 29 Ogos 2015.

Abdul Muiz yang juga Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar USIM 2014/2015 menyifatkan peluang yang diberikan ini memberi ruang kepada dirinya untuk meneladani Parlimen British, transformasi kepimpinan dan pemilihan di Oxford Union.

"Ia sesuatu yang saya tidak sangka dan kesempatan yang diberikan akan saya manfaatkan sebaiknya. Sesuai dengan kapasiti saya sebagai pemimpin pelajar di kampus, saya akan mengambil dapatan dan idea menarik untuk di manfaatkan di universiti kelak. Saya juga telah melakukan kajian berkaitan institusi Parlimen dan Kesatuan Pelajar di Malaysia dan Britain sebelum ke UK sebagai input awal," ujarnya.

Manakala bagi Muhammad Miqdam selaku Presiden Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa USIM pula, beliau melahirkan rasa bersyukur dan ucapan terima kasih kepada pengurusan universiti kerana mempercayai kemampuan dirinya untuk menjelaskan kaki di Universiti Oxford, dan segala pengisian yang disusun khas untuk kami di UK akan diterjemahkan dengan sebaiknya untuk pembangunan ummah dan negara. Ia sesuatu yang baru bagi saya, justeru pembacaan awal berkaitan ekonomi, sosio masyarakat, budaya dan pencapaian negara ini amat membantu," ujarnya lagi.

Sepanjang di sana, mereka mengikuti kursus berbentuk kepimpinan; kebolehpasaran kerjaya; keusahawanan; program khidmat komuniti dan melihat kemudahan di Universiti Oxford seperti Bodleian Library, Blackwells Bookshop dan Oxford Natural History Museum.

Pengisian lain yang amat dinantikan oleh peserta adalah forum bersama Pemimpin Mahasiswa Malaysia di UK. Ahli panel yang terlibat adalah Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Tan Sri Dato' Sri Hj. Abdul Aziz Abdul Rahman; Rektor UIAM, Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin bersama wakil pemimpin pelajar.



**Muhammad Miqdam Rashid** (kiri) dan **Abdul Muiz Abdul Hakim** bergambar di hadapan St Hugh's College, Universiti Oxford.

## Student Parliament

Oxford Leadership Programme 2015 bertujuan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan pelajar dan memberikan mereka pendedahan kepada pelbagai individu pakar di Oxford, pengalaman budaya dan pendedahan berkaitan institusi parlimen di luar negara. Pengisian ini secara langsung dapat mempersiapkan mereka sebagai pemimpin pelapis yang menyumbang kepada kecemerlangan universiti dan agen perubahan kepada masyarakat sekitar.

## USIM METERAI MOA DALAM ASPEK HALAL BERSAMA HANI D UNGGUL SDN BHD

Oleh: Noorumaina bt Mohamed Yunus

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus memantapkan jalinan kerjasama bersama pihak industri dengan memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan Hani D Unggul Sdn Bhd yang berlangsung di Galeri Bangunan Canselor pada 21 Ogos 2015.

Melalui perjanjian ini, seramai 21 orang pelajar tahun akhir Sarjana Muda yang terdiri dari pelbagai bidang mengikuti program Modul ‘Publishing Attitudes’ yang dijalankan pada 29 hingga 31 Ogos 2015 di Dusun Eco Resort, Bentong Pahang. Ia adalah berkoncepcion aktiviti outdoor dan riadah bagi memantapkan rohani dan jasmani peserta setelah 3 minggu mengikuti kursus ini secara teori dan kuliah.

Menurut Naib Canselor USIM, Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad, USIM kini dalam usaha untuk menggerakkan dan mengaktifkan jalinan kerjasama dalam industri halal dengan pihak industri dan organisasi luar terutamanya bagi tujuan latihan, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan serta pengkomersialan dan pertukaran serta perkongsian kepakaran agar kepakaran yang ada pada kedua-dua organisasi ini dapat dikongsikan bersama ke tahap optimum demi kemajuan ummah.

“Sejajar dengan keperluan ini, USIM berharap dapat menyediakan graduan yang terlatih dan trampil bukan sahaja dalam bidang sarjana malahan melalui sijil Program Halal

Executive Professional (PHEP) di mana melalui program ini peserta bakal memperolehi kerjaya dalam bidang halal itu sendiri,” tambah Dato’ Musa.

Syarikat Hani D Unggul Sdn Bhd (HDUSB) telah ditubuhkan pada 19 Ogos 2009 dengan menyediakan perkhidmatan spa dan saloon dan telah membekalkan pekerja mahir dalam dandanan rambut untuk industri tempatan di Malaysia. Selain itu, turut bertanggungjawab dalam latihan yang diiktiraf pusat berauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). HDUSB juga menyediakan kepakaran dalam Komunikasi Berkesan, Kepimpinan, Kursus Asas Halal, Team Building dan program motivasi.

Bagi menandatangani dan pertukaran dokumen, USIM diwakili oleh Naib Canselor dan Dr. Mohd Sukri Hassan Pengarah IHRAM, manakala HDUSB diwakili oleh Encik Mohamad Fairus Mohamad Talhah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Puan Siti Rohani Othman Pengarah Urusan HDUSB.



## USIM, UII JALIN KERJASAMA MOA DALAM BIDANG KEWANGAN ISLAM

Oleh: Noorumaina bt Mohamed Yunus



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperluas jalinan kerjasama strategik bersama Universitas Islam Indonesia (UII) melalui satu majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) yang diadakan di Lounge Eksekutif, Bangunan Canselor USIM pada 10 Ogos 2015.

Melalui perjanjian ini, seramai enam orang pelajar dari Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian akan mengikuti pengajian di Fakultas Ekonomi, UII selama 1

semester bermula September 2015 melalui program pemindahan kredit. Pelajar ini akan mengikuti tujuh (7) kursus yang telah disetarakan seperti yang telah dipersetujui di antara FEM, USIM dengan UII berjumlah 21 jam kredit.

Menurut Naib Canselor USIM, YBhg. Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad kerjasama ini merupakan hasil dari perbincangan antara Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) USIM dengan Universitas Islam Indonesia (UII) sejak akhir tahun lalu dan beberapa mesyuarat serta aktiviti susulan yang telah dijalankan sejak Februari 2014.

“Sebelum ini pada tahun 2011 USIM-UII telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) khususnya untuk program mobiliti pelajar di mana ketika itu yang menandatangani MoU tersebut adalah YBhg. Prof. Dato’ Dr. Muhammad Muda, Mantan Naib Canselor ke-2 USIM dan mantan Rektor UII iaitu YBhg Prof. Dr. Edy Suandi Hamid. Justeru, diharap dengan MoA yang ditandatangani pada hari ini mampu dimanfaatkan khususnya di dalam bidang kewangan Islam”.

Universitas Islam Indonesia (UII) adalah sebuah universiti persendirian yang terletak di Yogyakarta, Indonesia ditubuhkan pada 8 Julai 1945 sebagai Sekolah Tinggi Islam (STI) seterusnya berkembang menjadi universiti yang dikenali sebagai Universiti Islam Indonesia pada 14 Disember 1947.

USIM diwakili oleh Naib Canselor dan Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin dan UII diwakili oleh Dr. Ir. Harsoyo Rektor UII dan Dekan Fakultas Ekonomi UII Dr. D. Agus Harjito.

# PRODUK ‘HURMA’ RAIH ANUGERAH ‘NRIC 2015 BEST AWARD’

Oleh: Noorumainah bt Mohamed Yunus

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekali lagi melakar kejayaan manis di *Novel Research & Innovation Competition 2015 (NRIC)* apabila saudari Hanisah binti Hassan dinobatkan sebagai pemenang ‘NRIC 2015 Best Award’ dengan membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM5,000. Hanisah turut memenangi anugerah *Gold Medal and Best Presenter*.

Hanisah Hassan, 24, pelajar tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan mempertandingkan produk yang diberi nama HURMA iaitu dalam Bahasa Arab bermaksud ‘kehormatan’, dan ia adalah pakaian hospital untuk pesakit bagi kategori Medical & Health Science.

Hanisah berkata, sebagai pelajar perubatan yang banyak menjalankan kerja klinikal di hospital, mereka menerima banyak aduan dan rungutan berkenaan pakaian hospital yang singkat serta tidak menutup aurat. Terutama sekali apabila doktor yang akan menjalankan pemeriksaan terpaksa membuka bahagian anggota yang tidak dirawat bagi melakukan rawatan berikutnya pakaian yang tidak mesra pengguna.

“Oleh kerana itu, timbul idea untuk mencipta pakaian yang mesra pengguna di mana selain bahagian lengan yang panjang dan dilengkapi penutup kepala, setiap bahagian anggota badan juga dilengkapi dengan butang seperti dibahagian tangan, perut, dada, belakang badan, kaki dan alat sulit. Ini memudahkan doktor untuk memeriksa bahagian yang ingin dirawat sahaja,” jelas Hanisah selaku ketua kumpulan.

Projek ini turut dibantu oleh ahli kumpulan lain iaitu Mohammed Faliq Moktar, Siti Hanisah Mohd Fuad, Fatihatul Munirah Amiruddin Nik Nazihah Nik Mat, Ahmad Ayatullah Che Razali, Muhd Harith Abd Rani, Khairunnabihah Mohd, Nurul Nabilah Farhana Noordin, Mutmainnah Ahmad Mardzuki dan mendapat bimbingan dari Dekan Fakulti Perubatan Sains Kesihatan, Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris.

Sebelum ini produk HURMA pernah turut tersenarai di Finalis Anugerah Inovasi Negara iaitu antara 10 produk terbaik dari 280 penyertaan bagi kategori Akar Umbi yang berlangsung di National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2015 di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC).





# SEJARAH PENUBUHAN dan PERKEMBANGAN USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## SEJARAH PENUBUHAN

- **14 Jun 1986** - Pengumuman awal cadangan penubuhan sebuah universiti Islam oleh Menteri Pendidikan ketika itu Yang Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak di Pasir Putih, Kelantan.
- **11 Jun 1987** - Kabinet meluluskan penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- **14 Jun 1987** - Pengumuman rasmi penubuhan telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak di Besut, Terengganu.
- **24 Februari 1988** - KUIM diwartakan penubuhannya.

Pada awalnya KUIM diangka beroperasi pada Mei 1986 tetapi disebabkan kemelesetan ekonomi pada tahun berkenaan, operasi KUIM terpaksa ditangguhkan.

Idea penubuhan KUIM dilaksanakan oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Prof. Madya Dr. Abdullah Mohamed Zin, pensyarah UKM dengan khidmat masihah Exco Terengganu. Datuk Dr. Mohd Yusof Noor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman. Pelaksanaan operasi ini turut dibantu oleh Tuan Hajji Addenan Abd Rahman sebagai Pendata dan Puan Hajah Rohani Abu sebagai Bendahari.

## 2002-2004

### MENARA A, PERSIARAN MPAJ PANDAN INDAH

- **21 Januari 2002** - Keseluruhan perbadanan KUIM telah berpindah ke Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah
- **4 April 2002** - Persempena waktul Pelantikan Canselor KUIM Pertama kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Negri Sembilan, Tuanku Naziah binti Al-Marhum Tunku Besar Sultanuddin.
- **9 Julai 2002** - Penubuhan Pesat Pengajian Sisikarah (PPS). Pada semester pertama, Sesi 2002/2003, PPS menerima kesmasukan 5 orang pelajar bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah.
- **18 & 19 Julai 2002** - Pengajuran persidangan antarabangsa mengenai "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Tinggi Dunia"
- **22 Ogos 2002** - Upacara pecah taatu kampus tetap KUIM disempurnakan oleh Y.A.Bng. Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- **28 Mei 2003** - Perasihan penubuhan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fauz Sejunita (IMPAD) oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- **24 Julai 2003** - Pernikahan nama fakulti sedia ada : Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam (FDPI) kepada Fakulti Kependidikan & Pengurusan (FKP) dan Fakulti Syariah & Kehakiman (FSK) kepada Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU).
- **9 Ogos 2003** - Majlis Konvoesyen Pertama dan Pertemuan Perasyuruan Pertantikan Tuanku Canselor yang Pertama KUIM.
- **1 Disember 2003** - Penubuhan Fakulti Sains & Teknologi (FST). Profesor Dr. Jalani Sulaimi di lantik sebagai dekan pertama.

## 2000

### TINGKAT 5, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UKM, BANGI

- **Januari 2000** - KUIM memulakan operasi awalnya di tingkat 5, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- **Staf Awal:**
  1. Profesor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin (S001)
  2. Profesor Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin (S002)
  3. Tn. Addenan Hj Abd. Rahman (S003)
  4. Pn. Hjh Rohani Abu (S004)
  5. Pn. Wan Fariza Aliyah Wan Zakaria (S005)
  6. En. Mohamad Fairuz Ismail (S006)
  7. Pn. Arreen Fitzah Ahmed Azlan (S007)
  8. Pn. Fairuz Zeehan Jataluddin (S008)
  9. Pn. Hirmawati Marzani Bahari (S009)
  10. En. Mohd Asri Husain (S010)
  11. Pn. Minaliza Laudang (S011)

## 2000-2001

### INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL, KAMPUNG PANDAN

- **1 April 2000** - Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamed Yusof Noor dilantik sebagai pengurus Lembaga Pengarah KUIM yang pertama.
- **1 Mei 2000** - KUIM telah berpindah sepenuhnya dari FPI, UKM ke Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.
- **18 Jun 2000** - Pendaftaran pelajar sulung KUIM seramai 255 orang.
- **15 & 16 September 2000** - Seminar peringkat antarabangsa pertama yang dianjurkan iaitu Seminar Kebatinan Serentak yang bertemakan "Ke Arah Pembiasaan Kebatinan dalam Ajaran Kebatinan".
- **Pengurusat Awal**
  - Rector - Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin
  - Timbalan Rektor (Akademik & Peayelidikan) - Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdullah Md.Zin
  - Pendatar - Tuan Hajji Addenan Hj. Abdul Rahman
  - Bendahari - Puan Hajah Rohani Abu
  - Ketua Pustakawan - Enik Jasmin Jaimon
- **Dekan Terawal**
  - Fakulti Da'wah dan Pengurusan Islam (FDPI)
  - Fakulti Pengajaran Quran dan Sunnah (FPOS)
  - Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK)
- **Dekan Terawal**
  - FDP - Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asri Dolah
  - FPOS - Tn. Hj. Mohd Awi Yusoff (Pemangku)
  - FSK - Tuan Sheikh Salim Sheikh Salih (Pemangku)
- **10 September 2001** - Penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalah (FEM). Profesor Dr. Muhammad Muda di lantik sebagai dekan pertama.

## 2005-SEKARANG

### BANDAR BARU NILAI NEGERI SEMBILAN

- **Januari 2005** - Perpindahan staf dan pelajar secara berperingkat dari kampus sementara di Pandan Indah ke kampus tetap di Bandar Baru Nilai. Perpindahan dimulai dengan pelajar tahun tiga yang memulakan sesi akademik 2005-2006 di kampus Nilai.
- PPS dan FPG masih menduduki Menara B, Perstarian MPAJ, ini adalah kerana Hospital Ampang digunakan sebagai hospital pengajar.
- **Mei 2005** - Penubuhan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin dilantik sebagai pemangku dekan.
- **Jun 2006** - Penubuhan Fakulti Pengajian (FPG). Prof. Dato' Dr. Wan Mohammad Nasir Wan Othman dilantik sebagai dekan pertama.
- **22 Mac 2007** - Bangunan Canselor (kompleks pentadbiran USIM) mulai beroperasi yang menempatkan beberapa jabatan utama iaitu Jabatan Canselor, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Bendahari.
- **28 Jun 2007** - Perisytiharan pertukaran nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh Tuanku Canselor pertama yang telah berkual kuesa pada 1 Februari 2007.
- **25 November 2008** - Perasmian Kampus USIM oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

- **1 November 2008** - En. Muhammad Haizuan Rozali dilantik sebagai Pendata USIM yang kedua.
- **1 Disember 2009** - Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda dilantik sebagai Naib Canselor Kedua USIM.
- **12 Mac 2010** - Perlancaran Akademi Permatiz Insan oleh Y.A. Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri Perdana Menteri merangkap Permaisuri Negara.
- **9 Ogos 2010** - Y.A.Bg Tan Sri Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri menyampaikan Syarahan Perdana Sempena 10 Tahun USIM berjudul "Inisiatif Pengajian Tinggi Berorientasi Ilmu Islam : Antara Realiti dan Cabaran Masa Depan".
- **1 Oktober 2011** - Penubuhan Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOALS Center).
- **3 Disember 2011** - Perasmian Duli Yang Maha Mulia Turunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aliaish Rahmi binti Almarhum Tengku Besar Mahmud sebagai Canselor kedua pada Majlis Konvoesyen Ke-10 USIM.
- **1 April 2012** - Y.Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Universiti yang ketua.
- **1 Disember 2012** - Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Aama Ismail dilantik sebagai Naib Canselor Ketiga USIM.
- **20 November 2013** - Perasmian Yang Amat Muliak Tuanku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redzauddin ibni Tuanku Muhriz sebagai Pro Canselor pertama pada Majlis Konvoesyen Ke-10 USIM.
- **10 Ogos 2014** - Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad dilantik sebagai Naib Canselor Keempat USIM.

## MAJLIS LAFAZ IKRAR PELAJAR SESI AKADEMIK 2015/2016 BERSAMA MB NEGERI SEMBILAN

Oleh: Syazlyna Jamil

Seramai 1,915 pelajar mendaftar sebagai mahasiswa baharu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi kemasukan sesi akademik 2015/2016 dengan catatan peratusan 82.3. Daripada jumlah tersebut pecahan pelajar lelaki seramai 537 orang manakala pelajar perempuan seramai 1,378 pelajar. Kesemua pelajar baharu ini menjalani Hari Ta'aruf selama 3 hari bermula 2 hingga 4 September dihimpunkan dalam Dewan Tuanku Canselor untuk sesi lafaz ikrar yang secara rasminya menjadi pelajar USIM.

Bagi sesi pendaftaran kali ini, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) menerima paling ramai pelajar mendaftar iaitu sebanyak 425 kemasukan, diikuti Fakulti Sains dan Teknologi (FST) 422, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) 327, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) 258, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) 216, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) 153,

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) 80, dan Fakulti Pergigian (FPg) 34 kemasukan.

Daripada keseluruhan kemasukan, negeri Selangor mencatatkan angka paling tinggi pelajar mendaftar iaitu seramai 407 diikuti Kelantan seramai 360 seterusnya Kedah seramai 195, Terengganu seramai 177, Pahang seramai 166, Perak seramai 137, Johor seramai 131, Negeri Sembilan seramai 84, Melaka seramai 79, Pulau Pinang seramai 47, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 44, Sabah seramai 37, Perlis seramai 27, Sarawak seramai 12, Wilayah Persekutuan Putrajaya 5 manakala Wilayah Persekutuan Labuan seramai 2 orang.

“Salah satu usaha untuk pembangunan pelajar dan pengantarabangsaan pelajar, USIM telah mewujudkan Tabung Amanah Pengantarabangsaan Pelajar bagi mengumpul dana

sumbangan daripada pihak luar antaranya Kerajaan Negeri Sembilan. Seperti yang telah dilaksanakan tahun ini, USIM menghantar pelajar-pelajar antaranya ke Thailand, USA, Australia dan beberapa negara lagi bagi menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam program ini”.

“Sepanjang tempoh bulan Januari hingga Ogos tahun ini, USIM telah berjaya menganjurkan 52 aktiviti tanggungjawab sosial (CSR) di Negeri Sembilan berbanding 49 aktiviti CSR dijalankan pada tahun lepas yang meliputi 7 daerah di Negeri Sembilan,” ucap Naib Canselor USIM dalam ucapannya.

Angka tersebut adalah termasuk 7 orang pelajar antarabangsa yang turut mendaftar pada hari yang sama termasuklah dari Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand.



## HARI TERBUKA USIM DISAMBUT MERIAH



Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-15 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun ini, USIM telah menganjurkan Hari Terbuka yang diadakan pada Sabtu 12 September bertempat di kampus induknya di Nilai, Negeri Sembilan.

Dimulakan pada Jumaat malam 11 September telah berlangsung Konser Malam Cinta Rasul menjadi pembuka tirai Hari Terbuka USIM yang berlangsung di Dataran Dewan Tuanku Canselor dihadiri oleh pengurusan universiti serta para pelajar.

Pada hari Sabtu bermula seawal jam 7.30 pagi pula, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan melepaskan peserta Larian Amat Fit USIM Charity Run sejauh 7km yang disertai lebih 500 peserta terdiri daripada komuniti setempat dan para pelajar. Ia turut disertai oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad.

Pelbagai pengisian diatur dari peringkat kanak-kanak, pelajar sekolah, penuntut universiti dan juga komuniti. Antaranya pengunjung boleh mendapatkan maklumat langsung program akademik dari booth fakulti, meneroka alam sains dengan aktiviti science outreach, pameran sejarah dan citra USIM, pemeriksaan kesihatan dan pergigian, Seminar Kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam bersama JAKIM, gerai jualan, sudut inovasi dan kreativiti serta jelajah kampus.

Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dalam ucapannya berkata penganjuran Hari Terbuka USIM ini

adalah satu bentuk manifestasi penghargaan universiti kepada ibu-bapa, guru-guru, para pelajar, pihak sekolah, komuniti setempat, industri dan warga USIM yang secara tidak langsung menjadi sebahagian dari watak penting yang telah menyumbangkan serta memberi ilham kejayaan memateri kegemilangan Universiti.

“Ia juga dilihat sebagai salah satu platform bagi merapatkan hubungan USIM dengan masyarakat setempat di mana ianya sejajar dengan outcome USIM iaitu “untuk menjadi nombor satu di minda dan di hati masyarakat”.

“Hari Terbuka USIM ini akan memberikan gambaran dan pemahaman yang lebih jelas kepada pengunjung mengenai keistimewaan USIM terutamanya dalam penawaran program pengajian yang serta berbeza daripada Universiti Islam di seluruh dunia. USIM komited untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli di peringkat serantau pada tahun 2016 dan melebarkan layar gemilang sebagai universiti rujukan global yang mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli ini pada tahun 2025,” tambah Dato' Musa.

USIM turut berbesar hati kerana pihak pengurusan Bank Islam diwakili oleh Yang Berusaha Ustaz Mohd Nazri Chik, Penolong Pengurus Besar, Bahagian Shariah Bank Islam mewakili YBhg. Dato' Sri Zukri Samat, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam menyampaikan sumbangan zakat 2015 berjumlah RM 30,000.00 dan RM 20,000.00 selaku penaja Anugerah Kecemerlangan, Dato' Dr. Ismail Halim kepada graduan cemerlang USIM sempena Majlis Konvokesyen ke-13 USIM yang bakal berlangsung pada November nanti.



# DATIN SERI PADUKA ROSMAH MANSOR LAWAT KOLEJ PERMATA INSAN USIM

Oleh: Syazlyna Jamil

Buat julung kalinya pelajar pintar Kolej PERMATA Insan seramai 48 orang menerima lawatan daripada YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada 17 September bertempat di Kolej PERMATA Insan USIM.

Kolej PERMATA Insan kini ditadbir oleh kakitangan seramai 32 orang iaitu 1 orang pentadbir, 13 orang pensyarah, 7 orang guru tasmi', 4 orang pegawai dan 7 orang staf sokongan yang diketuai oleh pengaruhnya, Dr Nik Salida Suhaila Nik Saleh.

Sempena lawatan ini taklimat disampaikan oleh Dr Nik Salida mengenai pencapaian pelajar Kolej PERMATA Insan sebagai 'Sekolah dalam Kampus' yang unik dengan kurikulum berkonsepkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dengan empat komponen penting iaitu Modul Pintar Al-Quran dan Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah.

"Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, Kolej PERMATA Insan menggunakan pendekatan pembelajaran abad 21 (21st Century Learning) di mana para pelajar PERMATA Insan didedahkan dan dilatih menggunakan teknologi dalam pembelajaran seperti peranti iPad, Apple TV dan aplikasi pengajaran dan pembelajaran yang banyak tersedia di dalam sistem pengoperasian".

"Kini Kolej PERMATA Insan yang telah menerima surat kelulusan dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan dengan ini secara rasmi telah diterima menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK)", ujar Dr Nik Salida, Pengarah PERMATA Insan.

YBhg Prof Dato Dr Musa Ahmad dalam ucapannya menyatakan sumbangan yang diterima melayakkan Kolej PERMATA Insan menerima sumbangan modal dan bantuan penuh bagi menambah infrastruktur pembelajaran dan pengajaran termasuklah bangunan dan perabot yang berkuatkuasa 25 Ogos lalu.

Kurikulum Kolej Permata Insan USIM menggunakan sepenuhnya kurikulum untuk pelajar pintar cerdas sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kolej PERMATA pintar UKM iaitu menekankan aspek pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Ia adalah selaras dengan matlamat memperkasakan ilmu sains dan teknologi dalam kalangan para pelajar program PERMATA Insan sejajar dengan nic USIM sendiri.

Di akhir lawatan YBhg Datin Paduka turut melancarkan buletin bual bicara oleh pelajar PERMATA Insan iaitu Abqari seterusnya mengadakan lawatan tapak pameran yang disediakan oleh pelajar PERMATA Insan.



# DUTA JAUHAR USIM TABUR BAKTI TINGKAT TAHAP PENDIDIKAN ANAK ORANG ASLI

Oleh: Noorumaina bt Mohamed Yunus

Bertemakan "Parallax Your Eyes", kumpulan Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri dari 15 ahli dari pelbagai fakulti giat menjalankan khidmat komuniti bersama masyarakat Orang Asli Segamat Kecil, Labis melalui penganjuran program Development Education of Orang Asli (DE'ASLI) dan Kembara Bahasa.

Program yang berlangsung selama 3 hari bermula 2 hingga 4 Oktober 2015 turut mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Pelajaran Johor.

Objektif utama penganjurannya adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat orang asli terhadap pentingnya pembelajaran kepada anak-anak mereka, selain memberi motivasi dan menaikkan semangat di kalangan mereka untuk bersaing dengan masyarakat bandar yang jauh lebih maju dari pelbagai aspek.

Selain itu, kumpulan Duta Jauhar USIM juga turut membantu anak-anak orang asli dari segi pendidikan iaitu dengan membangunkan modul "Fun Learning" iaitu dengan kaedah pembelajaran pelbagai dengan lebih santai, lebih menarik serta penuh pengetahuan antaranya permainan matematik, kelas Bahasa arab, home tutor, dan mengadakan sudut pembelajaran.

Menurut Muhamad Fadhil Kamaruddin Pengarah Projek Duta Jauhar 2.0 USIM, Development Education of Orang Asli (DE' Asli) merupakan satu projek yang menaiktaraf pendidikan orang asli dengan menggunakan modul Enjoy Fun Learning (EFL). Modul ini mengajar mereka cara-cara belajar dengan lebih kreatif dan efektif. Program ini dijalankan secara berkala dari semasa ke semasa bermula daripada bulan Julai sehingga November 2015.

"Bagi program kali ini, kumpulan Duta Jauhar USIM membuat jalinan kerjasama jangka panjang bersama pihak-pihak luar dan agensi-agensi kerajaan antara bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menerbitkan sebuah buku mengenai adat resam masyarakat kaum Jakun, dan buku ini dirancang untuk diedarkan ke seluruh Universiti Awam seluruh Malaysia sebagai buku rujukan utama bagi mengetahui kehidupan masyarakat orang asli di Malaysia".

"Begini juga mengenai kerjasama bersama yayasan daerah segamat dalam mewujudkan pelaksana khusus iaitu sukarelawan-sukarelawan yang akan memastikan kelangsungan projek ini dalam membangunkan pendidikan masyarakat orang asli khasnya di Kampung Orang Asli Segamat Kecil," tambah Fadhil.

Turut hadir adalah Yang Berhormat Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan 1 merangkap Ahli Parlimen Labis, Yang Berhormat Encik Azahar Bin Haji Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Tenang, Profesor Dato' Dr Mustafa Bin Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM bagi bersama-sama melancarkan konvoi Kembara Bahasa Peringkat Negeri Johor anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan.

Sebaik sahaja simbolik pelepasan Kembara Bahasa tamat, para tetamu kehormat dibawa melawat Rumah Tok Antah iaitu sebuah rumah adat orang asli yang dibina secara bergotong-royong oleh masyarakat orang asli di kampung tersebut bagi memperkenalkan keunikan seni bina dan peralatan hasil kerja tangan mereka. Selain turut diadakan pertunjukan demonstrasi adat orang asli iaitu Adat Tangkap Basah dan Adat Cucur Langi.



# 13 ACARA UTAMA DIATUR USIM SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2015

Oleh: Syazlyna Jamil

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan 2015 yang bertemakan Sehati Sejiwa kali ini, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengatur sebanyak 13 pengisian utama yang menarik untuk warga kampusnya.

Sambutan Bulan Kebangsaan peringkat Universiti diurussetiakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan penglibatan pelbagai Jabatan lain di USIM antaranya Pusat Komunikasi Strategik, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah, Jabatan Keselemanan dan Pusat Islam untuk menggerakkan acara-acara yang diatur.

Membuka tirai secara rasmi sambutan adalah Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan 2015 Peringkat Universiti yang diadakan pada 20 Ogos menghimpunkan eramai 600 tetamu terdiri kalangan staf dan pelajar di Dewan Kuliah Pusat 3.

Majlis yang disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad membawa tetamu mendengar perkongsian pengalaman menarik bersama Ketua Pendaki Everest-FELDA 2013, Puan Siti Hanisah Sharuddin dengan personaliti Ahmad Fedtri Yahya sebagai moderator.

"Kita sebagai rakyat Malaysia perlu tunjukkan rasa cinta kepada negara dan benar-benar faham akan erti kemerdekaan yang dikecapai. Kemerdekaan tidak mungkin dapat dikekalkan tanpa perpaduan dan perpaduan pula tidak mungkin wujud tanpa toleransi di antara kaum dan sesama kaum," ucap Naib Canselor USIM.

Acara lain yang diatur bagi menyemarakkan semangat patriotik dan memeriahkan Bulan Kebangsaan adalah Bicara Bulan Kebangsaan; Bengkel Penulisan Lirik Patriotik 'Saya Anak Malaysia'; Luahan Anak Merdeka; Khutbah Jumaat Khas Bulan Kebangsaan; Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat Sempena Bulan Kebangsaan serta Perarakan Hari Kebangsaan.

Kelainan acara baharu yang ditonjolkan USIM kali ini adalah Pameran Kemerdekaan dan Wayang Pacak; Pertandingan Kibaran Jalur Gemilang Kreatif; Wefie Bulan Kebangsaan, Mereka Cipta Sepanduk Bulan Kebangsaan; Ekspedisi Kayuhan Bulan Kebangsaan dan kemuncaknya adalah Perhimpunan Khas Bulan Kebangsaan dan Perasmian Penutup Sambutan Bulan Kebangsaan pada 17 September yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor.

Kesemua acara yang diadakan sepanjang bulan Ogos sehingga September secara tidak langsung memberi peluang kepada warga kampus untuk bersama seluruh rakyat Malaysia yang lain sehati dan sejiwa menonjolkan rasa terima kasih dan kesyukuran atas kemakmuran negara yang dikecapai selama ini.



# FIT MALAYSIA UNI@USIM BERSAMA YB KHAIRY JAMALUDDIN

Oleh: Syazlyna Jamil

Atas usaha mempromosikan Program Fit Malaysia dan Hari Sukan Negara, YB Khairy Jamaluddin bersama Kumpulan Fit Malaysia hadir ke Pusat Sukan Tunku Najiiah USIM pada 4 Oktober lalu dan berjaya menghimpunkan hampir 1,000 orang pelajar.

Hari Sukan Negara yang pertama kalinya diadakan bertujuan mengajak rakyat Malaysia menjayakan aktiviti sukan selain menjadikan sukan sebagai salah satu budaya bagi mengamalkan cara hidup yang sihat.

"Saya amat menghargai sumbangan 50 buah basikal daripada Menteri Besar Negeri Sembilan dan beberapa langkah telah di ambil untuk memastikan kelestarian aktiviti sukan di USIM. Antaranya kita telah membuat laluan berbasikal dalam kampus sekitar 20 ke 25 kilometer dan kini USIM dalam proses membina laluan motorcross dalam kampus atas faktor keadaan struktur tanah USIM yang berbukit dan ada kawasan lapang adalah sesuai untuk ditambahbaik untuk mempelbagaikan aktiviti sukan bagi kegunaan masa akan datang," ujar Prof Dato Dr Musa Ahmad.


"Saya amat teruja bersama warga USIM memandangkan ini adalah lawatan rasmi pertama saya ke USIM sempena Hari

Sukan Negara nanti. Apabila saya dimaklumkan bahawa bacaan IPU di kawasan Nilai ini sudah mencecah 200, atas faktor kepentingan kesihatan, aktiviti yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan. Namun amat berbesar hati untuk mengajak warga belia USIM turut serta dalam acara di Hari Sukan Negara nanti,"ucap YB Khairy Jamaluddin.

"Saya mahu USIM menjadi pusat kecemerlangan sukan berbasikal Institusi Pengajian Tinggi memandangkan USIM telah pun melaksanakan budaya berbasikal di kampus. Pada masa sama, USIM mempunyai kelebihan kerana kampusnya yang terletak berhampiran velodrome tertutup kelas satu yang akan dibina di Nilai. Perbincangan dengan Naib Canselor USIM akan dijalankan dan saya mahu lahirkan atlet-atlet berbasikal dan saya akan sediakan blue print bagaimana hasrat ini dapat dilaksanakan dengan beberapa perancangan bersama pihak USIM," tambah YB Khairy Jamaluddin ketika merasmikan Fit Malaysia Uni@USIM.

Turut hadir sama memeriahkan program Fit Uni@USIM adalah pengurusan kanan USIM antaranya Timbalan-Timbalan Naib Canselor USIM, Pendaftar USIM dan pegawai kanan. Di akhir program, turut diadakan persembahan dari pasukan pencak silat olahraga USIM.





## KADET PALAPES USIM DITIAULIAH SEBAGAI LEFTENAN MUDA

Oleh: Mohd Zaini Othman

Seramai 41 orang lelaki dan 29 orang perempuan ditauliahkan gelaran Leftenen Muda sempena Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34 pada 15 Ogos lalu di Universiti Putra Malaysia (UPM) oleh Sultan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj bertempat di Dewan Besar Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) USIM yang bergerak secara rasmi menggunakan platform pasukan PALAPES UKM buat masa ini, telah berjaya melahirkan empat kumpulan Pegawai Muda PALAPES sejak pengambilan kumpulan pegawai kadet pertama diadakan pada 2009.

Mereka diraikan di Majlis Santapan Malam Regimental bersama DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang merupakan Canselor UKM dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus,

Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Bertempat di The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban Negeri Sembilan, kesemua Leftenan Muda PALAPES UKM USIM turut menerima Anugerah Kesatria Jaya. Selain itu, dua orang Pegawai Kadet USIM iaitu Lt M Muhammad Siddiq Bin Rohizan dan Lt M Muhammad Qusyairi Bin Muda menerima Anugerah Pegawai Muda Terbaik dan Anugerah Khas Komandan Pegawai Muda Terbaik daripada DYMM Tuanku Muhriz.

“Penyertaan di dalam pasukan PALAPES telah berjaya membentuk disiplin diri dan nilai kepimpinan, tanggungjawab dan kerja berpasukan yang tinggi. Alhamdulillah, pengurusan masa sebagai seorang pelajar dan pegawai kadet dapat diseimbangkan dengan baik,” ucapnya Lt M Muhammd Siddiq Rohizan.

“Alhamdulillah, berkat doa ayah dan ibu serta sokongan dan bantuan daripada jurulatih-jurulatih, saya dapat melaksanakan tugas dan arahan yang diberi dengan baik sehingga membolehkan saya untuk menerima

anugerah ini,” ulas Lt M Muhammad Qusyairi Bin Muda, 23, yang juga rakan sekelas Muhammad Siddiq.

Turut meraikan mereka pada majlis ini adalah Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan; Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM dan Profesor Dato Dr Musa Ahmad Naib Canselor USIM.



# HAWA CONVENTION : IDEAL WOMAN FOR A BETTER NATION

Oleh: Fatin Munazzah Binti Abd Aziz  
Sekretariat Timbalan Yang Dipertua MPP

Menyingkap sejarah pertama kali konvensyen Hawa diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai USIM, program Konvensyen Hawa adalah julung-julung kalinya diadakan pada tahun 2012 dengan bertemakan Discovering a Muslimah's True Beauty. Ternyata, pada awal perjalannya sendiri telah berjaya menarik perhatian masyarakat dan menyedarkan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan.

Konvensyen Hawa kali ini menyasarkan penglibatan yang lebih ramai daripada masyarakat luar tidak kira agama, bangsa juga peringkat umur. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan yang menyeluruh berhubung dengan wanita, sekali gus sebagai usaha mempersiapkan golongan wanita ini dalam menghadapi cabaran mendatang. Konvensyen ini menyentuh aspek pendidikan, dakwah, kesihatan, keluarga, kepimpinan dan segala informasi berhubung ruang lingkup wanita agar peserta konvensyen dapat berperanan dan berfungsi secara efektif dan proaktif sebagai seorang wanita.

Mengangkat tema Ideal Women For a Better Nation, konvensyen Hawa pada kali ini nampaknya lebih dekat dengan isu semasa dan sangat berkait rapat dengan kepentingan wanita dalam pembentukan negara yang lebih baik dan efisyen.

Terdapat satu pepatah asing yang menyatakan apabila kita mendidik wanita, kita mendidik negara kerana wanitalah yang melahirkan generasi akan datang. Justeru, signifikan dari konvensyen ini ia merupakan wasilah yang dapat memberi kesedaran dalam jangka masa panjang dalam membentuk peribadi wanita muslimah yang unggul pada masa mendatang.

"Keunikan dan kelainan Konvensyen Hawa pada kali ini adalah ia merupakan kali pertama kaunter pendaftaran dibuka kepada semua peringkat umur tidak kira lelaki atau perempuan malah Konvensyen Hawa mengalu-alukan peserta dari dalam dan luar negara bagi memeriahkan konvensyen mega ini," ujar Timbalan Yang DiPertua MPP.

Konvensyen ini telah memberi impak yang besar untuk pembentukan ummah mendatang dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja bijak pandai dalam pelbagai aspek, malah berkualiti dan memahami agama secara keseluruhannya juga.



# 910 PELAJAR TAMHIDI (PRA-UNIVERSITI) MENDAFTAR DI USIM



Oleh: Mohd Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima seramai 910 orang pelajar baharu pra-universiti yang mendaftar di Pusat Tamhidi USIM bagi sesi pengambilan akademik 2015/2016 yang diuruselia oleh Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat.

Permohonan kali ini menampakkan peningkatan apabila sebanyak 23,907 permohonan diterima yang mana 2,407 permohonan memilih USIM sebagai pilihan pertama. Jumlah ini melebihi tempat yang disediakan iaitu sekitar 1100 tempat sahaja. Sebagai contoh, program Tamhidi Syariah dan Undang-undang menerima sebanyak 718 permohonan sebagai pilihan pertama walaupun kuota disediakan hanya untuk 200 pelajar sahaja.

USIM yang mula menawarkan pengajian pra-universiti kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui penubuhan Pusat Tamhdi pada 2004, menawarkan lima program pengajian iaitu Tamhidi Syariah dan Undang-undang; Tamhidi Sains dan Teknologi; Tamhidi Perubatan; Tamhidi Pergigian dan Tamhidi Perakaunan sebagai pilihan.

"Saya amat teruja diterima melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Sains dan Teknologi dan akan belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita sebagai doktor perubatan," ujar Muhamad Hafizuddin bin Hazaraimi, 18, bekas pelajar Sekolah Agama Sultan Mohamad Batu Berendam Melaka.

Bagi Aimi Afiqah Binti Sulaiman, 18, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah Melaka melahirkan rasa yang amat gembira terpilih menjadi pelajar USIM. "Saya melanjutkan

pengajian ke program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat . Saya ingin menjadi seorang akauntan dalam masa yang sama ingin belajar dan meningkatkan ilmu agama kerana USIM merupakan universiti Naqli dan Aqli".

Para pelajar Tamhidi yang mula mendaftar perlu mengikuti program Taaruf yang diurusetiakan oleh Bahagia Hal Ehwal Pelajar selama tiga hari. Pengisian utama minggu Taaruf ialah Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Tamhidi bersama YAB Dato' Seri Utama Mohamad Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Menteri Mentor USIM.





## USIM SAMBUT MINGGU KUALITI & INOVASI

Oleh: Syazlyna Jamil

Acara tahunan anjuran Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK), Minggu Kualiti dan Inovasi (MKI) dilancarkan secara rasminya di Galeri, Bangunan Canselor. Tema "Sehati Sejiwa Cetus Kreativiti Ledakan Inovasi" kali ini berpaksikan ke arah memperkasakan hubungan kerjasama sesama warga USIM bagi mencipta inovasi yang berimpak kepada ummah secara umumnya.

Naib Canselor USIM dalam ucapannya mengajak warga USIM untuk turut serta dalam acara sepanjang MKI untuk memajukan universiti ke arah membudayakan kualiti dan inovasi dalam cara kerja sehari-hari. Ia adalah sejarah dengan hasrat kerajaan serta salah satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 iaitu ekosistem inovasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi.

"Saya melihat terdapat kelainan acara tahun ini apabila sekretariat Skuad Q bersama-sama pengurusan tertinggi USIM turun padang seperti tour ke PTJ yang mana konsep turun padang adalah sinonim dengan outcome USIM iaitu menjadi nombor satu di hati dan minda masyarakat. Justeru, adalah penting kita melaksanakan prinsip ini untuk melihat sendiri masalah serta menyemarakkan semangat kekitaan warga organisasi khususnya warga USIM," ucap YBhg. Prof Dato Dr Musa dalam ucapannya.

MKI bermula 28 September selama seminggu menyediakan aktiviti-aktiviti antaranya pertandingan kuiz oleh sekretariat Squad Q yang turun padang di setiap PTJ untuk sesi soal jawab dan pemberian hadiah. Aktiviti lain seperti pertandingan rekacipta barang dari bahan kitar semula, icon talk serta acara yang julung kali diadakan iaitu Anugerah Paling Popular USIM iaitu anugerah yang berkONSEPkan santai yang diadakan sebagai inisiatif untuk menarik semangat warga USIM menyertai MKI di mana 3 kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Paling Popular, Anugerah Mesra Pelanggan dan Anugerah Paling Kreatif yang terbuka kepada semua warga USIM.

Selepas Majlis Pelancaran berlangsung, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad bersama pengurusan universiti mengadakan lawatan ke dewan kuliah dan pejabat bagi menyampaikan watih sempena berlangsungnya Minggu Kualiti dan Inovasi.

Kemuncak Minggu Kualiti dan Inovasi iaitu Majlis Anugerah Kualiti dan Inovasi USIM 2014 akan diadakan pada 2 Oktober 2015 di Dewan Tuanku Canselor USIM sebagai mengiktiraf dan menghargai warga USIM yang telah memamer hasil kerja bermutu dan komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

# LANCAR iECONS 2015 BERSAMA MASYARAKAT ISLAM DI KRABI

Oleh: Mohd Zaini Othman



Seminar Sistem Ekonomi Islam (iECONS) kali keenam 2015 anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat diadakan di Krabi Front Bay Resort, Thailand pada 29 hingga 30 September diadakan bertujuan mempromosikan perbincangan dan kerjasama dikalangan sarjana dan pemain industri dalam isu-isu berkaitan ekonomi Islam menerima seramai 130 peserta dari Jordan, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Brunei, Malaysia dan Thailand.

Komitmen ini diberikan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad bersama Pengurusan Universiti dalam pertemuan bersama Timbalan Gabenor Wilayah Krabi, Tuan Narong Woonsiew dan Presiden Komuniti Islam Krabi, Tuan Hj. Asnawee Mukura "Krabi yang mempunyai seramai 500,000 penduduk dengan separuh darinya beragama Islam membuka peluang kerjasama antaranya melalui program khas khidmat komuniti antarabangsa USIM iaitu Global Islamic Student Outreach (GISO) yang telah beberapa kali di adakan di sini."

"Respon peserta dan masyarakat amat baik dengan nama USIM semakin mendapat perhatian di sini. Justeru pada pertengahan Disember nanti, kita bersetuju untuk

menghantar delegasi terbesar USIM untuk mengadakan khidmat komuniti dalam aspek kesihatan, promosi pendidikan dan sosio-ekonomi. Pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang menyertainya nanti juga akan tinggal bersama keluarga angkat di sini sepanjang program".

"Selain khidmat komuniti, Pengurusan Universiti juga mencadangkan program bertaraf antarabangsaan anjuran fakulti dan jabatan di USIM seperti seminar, konvensyen dan forum memilih Krabi sebagai lokasi pilihan. Kita juga akan meneroka kerjasama akademik yang dapat dilaksanakan bersama institusi pendidikan tinggi seperti madrasah yang terdapat di sini," ujarnya Prof. Dato' Dr Musa.

Sempena iECONS ini, dua memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangan USIM dengan institusi di Thailand iaitu Universiti Fatoni dan Thaqafah Saving Co-operative. Turut dilancarkan dua buah buku terbitan USIM Press iaitu *Zakat's Role in Enhancing The Economy of The Ummah: Challenges and Future Prospects* dan *Managing Philanthropy for Social Security & Economic Empowerment*.

## LATIHAN AUDIT SYARIAH PENUHI ASPEK PENTING KENDALI PERBANKAN ISLAM

Oleh: Syazlyna Jamil

Seramai 16 orang peserta Latihan Audit Shariah yang terdiri dari kakitangan Bank Muamalat menerima penghargaan di Majlis Penyampaian Sijil Latihan Audit Shariah pada 3 September 2015 yang diadakan di *Nilai Springs Resort Hotel*.

Program latihan 16 siri ini yang bermula pada 27 September 2014 hingga 23 Mei 2015 memberi pendedahan terhadap perkara-perkara berkenaan audit shariah, para peserta juga diuji dengan beberapa tugas seperti kuiz, kajian kes dan pembentangan oleh tenaga pengajar dari kalangan pensyarah USIM dan dikendalikan oleh Pusat Kecemerlangan USIM, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI).

"Bagi keperluan semasa terhadap perkembangan sektor kewangan Islam, IFWMI terpanggil untuk sama-sama menyumbang kepakaran serta melaksanakan penyelidikan khusus berkenaan audit syariah. Program Latihan Audit Shariah ini berpotensi bukan sahaja untuk diketengahkan kepada institusi kewangan lain di Malaysia bahkan di peringkat global seperti di Timur Tengah, Eropah, Australia, China mahupun Amerika Syarikat", ucap Tan Sri Shukor.

Manakala Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad berkata pada sidang media yang diadakan sejurus selepas majlis, program latihan ini merupakan satu-satunya program pertama kali diadakan oleh Universiti Awam di Malaysia dan ini merupakan kumpulan

sulung USIM dan seterusnya USIM akan turut membuka peluang kepada institusi kewangan lain serta mengembangkan lagi dan menambahbaik program latihan ini semasa ke semasa.

"Saya tertarik dengan modul pengajaran di sepanjang program Latihan Audit Shariah ini. Modul tersebut mencakupi keseluruhan proses audit syariah di dalam mengendalikan operasi perbankan Islam diantaranya ialah prinsip dan tadbir urus syariah, proses, program dan komunikasi di dalam audit syariah dan kajian kes yang berkaitan dengan Audit Shariah," ucap Yang Mulia Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BMMB.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Operasi, Tuan Haji Peer Mohamed Ibramsha, Naib Canselor USIM Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah.



## PRAGMATIS USIM SERTAI SEMINAR PEMBENTANGAN PROJEK CSR

Oleh: Syazlyna Jamil

Penyertaan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAGMATIS), Pegawai Tadbir USIM di Seminar Perkongsian Projek Kesukarelaan dan Program Tanggungjawab Sosial Universiti di UniMAP, Perlis membawa hasil apabila kumpulan pembentang USIM membawa pulang 2 pingat emas dan 2 pingat perak.

Seminar anjuran UniMAP dan MASTI pada 21 dan 22 Ogos diadakan bertujuan berkongsi amalan terbaik projek-projek kesukarelaan yang pernah dianjurkan oleh Universiti Awam serta agensi kerajaan bagi mewujudkan kerjasama pintar dalam menguruskan program tanggungjawab sosial.

Dari USIM adalah Program CSR Kelab Wardah USIM yang mendapat pingat emas, CSR:Sinergi di antara Perpustakaan USIM dan SKIL mendapat pingat perak dan Program Tanggungjawab Sosial Korporat Perpustakaan USIM turut mendapat pingat perak. Manakala pameran bergambar diwakili oleh kumpulan Pameran Misi Bantuan Banjir 2015 & Beg Sonic (Beg Kecemasan Serbaguna) mendapat pingat emas.

Pasukan pembentang Kelab Wardah yang di anggotai oleh Pn. Azlina Othman (Pembentang), Pn. Hariza Mohd Yusof dan Pn. Normah Osman berkongsi pengalaman ahli-ahli Wardah yang terlibat dengan pelbagai program kemanusiaan antaranya projek kemanusiaan di Jordan, lawatan ke wad



pediatric Hospital Seremban, infak susu kepada bayi Syria dan bantuan mangsa banjir pantai timur.

Satu inovasi daripada bencana banjir yang berlaku menghasilkan produk inovasi iaitu beg sonic. ia merupakan beg kecemasan serbaguna yang mempunyai pelbagai fungsi, tahan lasak dan senang dibawa kemana-mana.

"Kami juga membawa hasil kajian tentang panduan ibadah semasa kejadian banjir yang memberikan banyak kuperasan untuk memudahkan urusan ibadah di kalangan mangsa banjir yang pada masa itu amat sukar untuk mendapat keadaan selesa bagi menuaikan kewajipan sebagai Muslim," tambah Dr Nik Mohd Syafikudin.

# USIM KOMITED BANTERAS NAJIS DADAH MELALUI PROGRAM EYDFC 2015

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus



Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Projek 'Empowering Youth for Drug-Free Community' (EYDFC 2015) sebagai usaha pencegahan penyalahgunaan dadah yang berstrategik dan holistik. Program menarik ini telah berlangsung selama 7 hari bermula 14 sehingga 20 September 2015 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan di sekitar kawasan Lembah Klang.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh YBhg Prof Dato' Dr Omar Osman, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) merangkap President APUCEN pada 15 September 2015 bertempat di Hotel Nilai Spring Resort. Projek EYDFC 2015 ini dijayakan dengan kerjasama Asia Pacific Universities on Community Engagement Network (APUCEN), Universiti Sains Malaysia (USM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Persatuan Pengasih Malaysia

Seramai 50 orang peserta telah menyertai program ini dan mereka akan mendapat maklumat berkaitan perancangan dan pelaksanaan beberapa program pencegahan yang merangkumi aspek pencegahan dadah awalan, pencegahan sekunder dan pencegahan lanjutan. Seterusnya peserta turut didedahkan dengan asas rawatan dan pemulihan ketagihan dadah berdasarkan pendekatan terapi psiko-spiritual Islam, selain memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada pusat-pusat rawatan dan pemulihan yang dilawati.

Penganjuran EYDFC 2015 ini menjadi sasaran utama dalam aktiviti kajian dan pembelajaran di ACREDA kerana pencegahan dikalangan golongan muda adalah amat penting untuk membendung masalah dadah di negara ini.

Kumpulan sasaran untuk menghadiri program ini adalah terdiri daripada pelajar – pelajar IPTA, agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Program ini dijalankan dalam tiga bentuk. Pertama ialah pengajaran dan pembelajaran secara interaktif di dalam kelas di mana peserta akan diberi pendedahan dan berbincang tentang permasalahan dadah secara menyeluruh. Kedua, mereka akan belajar secara hands-on di mana peserta akan bertemu dengan golongan bermasalah atau mereka yang berpotensi untuk terlibat dalam najis dadah. Ketiga, mereka akan dilatih untuk bersama masyarakat dan menyampaikan tentang bahaya dadah.

Penganjuran 'Empowering Youth for Drug-Free Community' (EYDwFC 2015) ini diharapkan dapat memberi pendedahan awal kepada golongan belia tentang langkah pencegahan, rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah yang boleh dilaksanakan bagi menghadapi masalah yang kian meruncing di kalangan masyarakat.



Pelajar USIM sewa luar berdepan bahaya lalu jalan gelap

K

## 1500 sertai Khatum Perdana USIM

B



22 KAMPUS LIFE

## Bantu Rohingya

P



V16 • VARSITI SUKAN



## MPP USIM anjur Hari Terbuka Sukan

S



14 DESEMBER 2015



## Ubi kayu sajian rumah terbuka USIM

B

## Berkerusi roda tak halang capai kejayaan

D



## Pesilat USIM semakin hebat

E



## Kolej PERMATA Iman USIM layak turma bantuan kerajaan

F



## Sultan Nazrin mahu IPT kekal integriti

G



## 22 mahasiswa USIM lawat ke Australia

H



## J



## Karnival K3G

K



## L



## 22 mahasiswa USIM lawat ke Australia

M



## N



## O



## P



## Q



## R



## S



## T



## U



## V



## W



## X



## Y



## Z



## A



## B



## C



## D



## E



## F



## G



## H



## I



## J



## K



## L



## M



## N



## O



## P



## Q



## R



## S



## T



## U



## V



## W



## X



## Y



## Z



## A



## B



## C



## D



## E



## F



## G



## H



## I



## J



## K



## L



## M



## N



## O



## P



## Q



## R



## S



## T



## U



## V



## W



## X



## Y



## Z



## A



## B



## C



## D



## E



## F



## G



## H



## I



## J



## K



## L



## M



## N



## O



## P



## Q



## R



## S



## T



## U



## V



## W



## X



## Y



## Z



## A



## B



## C



## D



## E



## F



## G



## H



## I



## J




## K



## L




## M



|             |                                                                                                                         |
|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Editor      | : Fuadah Johari,<br>Mohammad Haji Alias,<br>Asma Abdul Rahman,<br>Muhammad Ridhwani Ab. Aziz &<br>Ahmad Fahmie Mohd Ali |
| Price       | : RM 35.00                                                                                                              |
| ISBN        | : 978-967-440-224-2                                                                                                     |
| Published   | : 2015                                                                                                                  |
| Total Pages | : 215 m/s                                                                                                               |

#### ZAKAT'S ROLE IN ENHANCING THE ECONOMY OF THE UMMAH: CHALLENGES AND FUTURE PROSPECTS

Zakat's Role in Enhancing the Economy of the Ummah: Challenges and Future Prospects provides fundamental understanding on zakat practice in order to highlight the current and future challenges to the institution. This book includes various and interesting topics inclusive in four special themes. Firstly, Islamic philanthropy: rationality for a new economics welfare system. Secondly, the essentials of had kifayah (zakat poverty line) and zakat management based evaluation. Thirdly, Zakat's role in socio-economic development of al-asmak such as al-Masakin (poor), al-Fuqara' (needy), al-Muallaf, al-Riqab and al-Gharimin and lastly on Zakat's role for education and zakat on crops based on Maqasid Syari'ah. This book tries to introduce a true picture of zakat practice in this country and the Muslim world, allowing its practical application by all. This book is suitable for college and university students, academician, practitioner, policy maker and the general public who are interested in obtaining basic concepts and application of zakat institutions in this country and worldwide.




|             |                     |
|-------------|---------------------|
| Author      | : James Cambell     |
| Price       | : RM 35.00          |
| ISBN        | : 978-967-440-140-5 |
| Published   | : 2015              |
| Total Pages | : 224 m/s           |

#### HUMANIVERSITY REMEMBERING THE MORAL SOUL OF EDUCATION

The higher institutions nowadays faced extreme competition from others institutions, in which they also need to cope with the demand and the expectation of the people surrounding them. Some of the value that is used to be held in the higher institutions seems to be forgotten just for the sake of profit or even for self advancement. This book will discuss "the Humaniversity", a concept that highlights the humanity, knowledge and balance in the higher institutions. Through the concept of "Humaniversity", readers will be exposed to the correlation between "Humaniversity" and theory, spiritual philosophy and historical discourse. This will introduce readers to the Islamic concepts of Adab, which will be briefly discussed in the book.

JAMES CAMPBELL is an academic at in the School of Education Deakin University Australia. He has two PhD's the first in the field of education and the second in the field of politics. James Campbell has written and edited four books, numerous journal articles, chapters and is also a regular contributor to the New Straits Times in Malaysia. James Campbell's areas of interest are in educational philosophy as it relates to broader political and social theoretical problems in society. He has a keen interest in political philosophy, social theory, educational thought and the interconnections between these realms.



#### NIZAM IDARAH AZ-ZAKAT FI MALIZIYA WA TATBIQATUHA FI HAIAH AZ-ZAKAT

|             |                            |
|-------------|----------------------------|
| Author      | : Azman Ab Rahman Sulaiman |
| Price       | : RM 55.00                 |
| ISBN        | : 978-967-440-266-6        |
| Published   | : 2015                     |
| Total Pages | : 252 m/s                  |



#### ABU HAYYAN AL-ANDALUSI WA JUHUDIHI FI ILMI AL-QIRAAAT MIN KHILAL KITAB AL-BAHRU AL-MUHIT

|             |                     |
|-------------|---------------------|
| Author      | : Norazman Alias    |
| Price       | : RM 65.00          |
| ISBN        | : 978-967-440-136-8 |
| Published   | : 2015              |
| Total Pages | : 82 m/s            |



#### TAWAIF AN-NAS AMAM HIDAYAH AL-QURAN

|             |                                         |
|-------------|-----------------------------------------|
| Author      | : Al-Hamidy,<br>Abdul Kader Umar Othman |
| Price       | : RM 134.00                             |
| ISBN        | : 978-967-440-144-3                     |
| Published   | : 2015                                  |
| Total Pages | : 323 m/s                               |